

01/11/1999

Ajaran Pas jadi punca umat Islam berpecah

Mazri Muhammad

SAYA amat terkejut apabila manifesto barisan alternatif tidak menyebut sebarang rujukan hasrat penubuhan sebuah negara Islam. Ini kerana parti yang menjadi tunjang kepada barisan itu, Pas selama ini lantang memperjuangkan sebuah negara Islam di Malaysia. Malah, pengikut Pas selama ini mencemuh Umno sebagai tidak Islamik kerana kononnya Umno tidak mahu menubuhkan negara Islam dan melaksanakan undang-undang hudud. Umno juga dikutuk kerana bekerjasama dengan parti bukan Islam seperti MCA, MIC dan Gerakan menerusi Barisan Nasional (BN).

Hari ini, disebabkan suasana politik yang gawat, Pas mula menukar lagunya. Kalau dulu Umno tidak Islamik kerana bersahabat dengan bukan Islam, hari ini kerana hendak berkuasa, Pas sanggup menelan kata-katanya sendiri dan mencadangkan pembukaan keahlian parti Pas kepada bukan Islam sebagai ahli bersekutu. Apabila rancangan ini mendapat tentangan hebat, maka Pas mendiamkan diri berkaitan isu ini. Sekarang Pas bekerjasama dengan DAP.

Pas tidak sanggup bekerjasama dengan sebuah parti umat Islam seperti Umno, kerjasama kononnya akan dilakukan jika Umno menerima perjuangan menegakkan pemerintahan Islam. Inilah fatwa Mursyidul Amnya. Tetapi yang menghairankan Pas hari ini sanggup bekerjasama dengan DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang semuanya tidak mahukan penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia. Ini seiring dengan fatwa Pas yang akan menghalalkan apapun hatta kerjasama dengan syaitan dan perbuatan mencarut jika ia mendatangkan keuntungan kepada politik Pas.

Tindakan terbaru Pas menggugurkan tuntutan penubuhan negara Islam di dalam manifesto barisan alternatif membuktikan Pas sanggup melupakan teras perjuangan partinya semata-mata kerana takutkan DAP. Jika demikian bagaimana dengan fatwa Pas yang mengkafirkan sesama Islam selama ini kerana kononnya mereka tidak mahukan pemerintahan Islam. Bagaimanakah mereka yang kononnya dikatakan mati syahid di Memali kerana menentang taghut. Bagaimanakah nasib keluarga yang bercerai-berai dan berpecah-belah kerana akad nikah orang Umno tidak sah, sembelihan orang Umno tidak halal dan perkuburan orang Umno hina. Ini adalah kesan perpecahan di kalangan umat Islam yang selama ini berlaku di sebabkan ajaran Pas bahawa tidak cukup Islam orang yang tidak mahu penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang hudud.

Alasan pengikut Pas bahawa ini samalah dengan strategi di dalam perjanjian Hudaibiyyah tidak boleh diterima pakai kerana, pertama pada masa itu perjanjian membabitkan umat Islam di satu pihak dan orang kafir di satu pihak lain serta pada masa itu umat Islam lemah. Hari ini di dalam barisan alternatif dari empat buah parti di dalamnya tiga daripadanya diketuai oleh orang Islam cuma satu bukan Islam. Adakah ini bermakna Pas mengatakan di dalam barisan alternatif umat Islam lemah sehinggakan terpaksa mengorbankan prinsip asas Pas mengenai penubuhan sebuah negara Islam.

Apakah sikap PRM dan Keadilan dua komponen barisan alternatif terhadap penubuhan sebuah negara Islam. Jika mereka tidak bersetuju terhadapnya kenapakah Pas perlu meneruskan kerjasama dengan mereka? Adakah mereka juga tidak Islamik? Jika Umno kononnya tidak Islamik pada pandangan Pas kerana tidak mahu menubuhkan negara Islam maka rakan-rakannya juga di dalam barisan alternatif tidak Islamik. Jadi atas alasan apa Pas bekerjasama dengan mereka dan tidak dengan Umno? Apakah Presiden MCA Datuk Seri Dr